

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Oktober
2020
2 jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH – SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2020

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 12.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1 dan Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nama dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 12 daripada kertas soalan dan ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[40 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

Melakukan persetubuhan haram antara lelaki dengan perempuan yang tidak mempunyai ikatan pernikahan yang sah.

1. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
 - A zina
 - B liwat
 - C qazaf
 - D musahaqah

2. Berikut adalah hikmah pengharaman riba **kecuali**
 - A menghindari sifat dendam dan benci-membenci antara satu sama lain.
 - B membanteras manusia yang bersikap tamak dan mementingkan diri sendiri.
 - C mengelakkan penindasan terhadap golongan miskin.
 - D menjaga keturunan zuriat manusia.

Beriktikad bahawa imam mereka Muhammad bin al-Hanafiyyah masih hidup.

3. Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan _____.
 - A Syiah Imamiyyah
 - B Syiah Batiniyyah
 - C Syiah Zaidiyyah
 - D Khawarij

4. Jenis dam yang dikenakan jika mengerjakan haji Tamattu' ialah _____.
 - A tertib dan takdir
 - B tertib dan takdil
 - C takhyir dan takdir
 - D takhyir dan takdil

[Lihat halaman sebelah


- 5 Antara berikut yang manakah syarat sah binatang sembelihan?
- Halal dimakan.
 - Alat sembelihan yang tajam.
 - Putus urat halkum dan marik.
 - Penyembelih beragama Islam.
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 6 Berikut adalah hikmah gadaian **kecuali**
- menggalakkan umat Islam berbelanja.
 - mengembangkan ekonomi umat Islam.
 - memberi jaminan kepada orang yang memberi hutang.
 - memberi kemudahan kepada orang yang memerlukan bantuan.
- 7 Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang qadak dan qadar menurut pandangan Ahli Sunah Waljamaah?
- Semua perkara sama ada baik atau buruk ditentukan oleh manusia.
 - Perbuatan manusia dilakukan oleh manusia dan bukan Allah SWT.
 - Semua yang berlaku di alam ini terjadi dengan kebijaksanaan Allah SWT.
 - Allah SWT yang berkuasa mengatur segala yang terjadi di alam ini.
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- Memecat pegawai yang kurang cekap.
 - Menghapuskan cukai jizyah bagi golongan mawali.
 - Melaksanakan hukuman yang adil.
- 8 Tujuan utama Khalifah Umar bin Abdul Aziz memperkenalkan polisi di atas ialah
- merapatkan hubungan pemimpin dengan rakyat.
 - menangani kegawatan ekonomi.
 - mengukuhkan ekonomi negara.
 - melicinkan pentadbiran negara.

[Lihat halaman sebelah

Ketua negara yang bertindak sebagai pemimpin tertinggi dalam wilayah-wilayah Islam.

9. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pengertian _____.
- A al-Dawawin
 - B al-Khalifah
 - C al-Kuttab
 - D al-Wazir
10. Berikut adalah contoh aktiviti rekreasi aktif **kecuali**
- A berkhemah.
 - B mendaki bukit.
 - C menunggang kuda.
 - D bersiar-siar.
11. Kesan li'an terhadap suami isteri ialah _____.
- A suami dapat mempertahankan kesucian nasabnya
 - B isteri dapat menjaga maruahnya dari tercemar
 - C suami dan isteri terpisah selepas sumpah li'an
 - D suami dan isteri boleh berkahwin semula
12. Hikmah larangan membin dan membintikan anak angkat kepada bapa angkat ialah _____.
- A memelihara hak wali nikah oleh bapa angkat
 - B memelihara hak anak angkat dalam mewarisi harta pusaka bapa angkat
 - C menjaga batas pergaulan antara anak angkat dengan keluarga bapa angkat
 - D mengiktiraf dan mengekalkan pertalian nasab dengan keluarga bapa angkat
13. Bidang kuasa mal Mahkamah Syariah adalah mendengar dan memutuskan prosiding-prosiding berikut **kecuali**
- A pertunangan dan perkahwinan.
 - B pemberian ketika hampir mati.
 - C minum arak dan khalwat.
 - D kesahatarafan anak.

[Lihat halaman sebelah



- 14 'X' dalam rajah di atas ialah punca-punca berlakunya pencemaran _____.
- A air
B tanah
C bunyi
D udara
- 15 Perbuatan yang boleh dilakukan untuk menjaga nama baik negara ialah _____.
- A memberi bantuan senjata kepada negara yang bertelagah
B membuat ciptaan baru yang berfaedah untuk rakyat
C membangunkan negara mengikut acuan barat
D mengadakan konsert
- 16 Yang manakah berikut merupakan sumbangan al-Batani dalam bidang ilmu Falak?
- I Membuat jadual pergerakan bulan dan bintang.
II Mengukur jarak antara bumi dengan matahari.
III Mencipta alat pengukur sudut yang dikenali sebagai 'astrolabe'.
IV Memberi ukuran yang tepat tentang keluasan permukaan bumi.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 17 Berikut adalah padanan yang betul antara istilah dengan keterangan **kecuali**

	Istilah	Keterangan
A	Fasakh	Pembatalan perkahwinan melalui kuasa mahkamah.
B	Khuluk	Perceraian suami isteri yang dikaitkan dengan bayaran tertentu.
C	Talak	Memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talak.
D	Rujuk	Suami mengambil kembali isteri yang telah diceraikan pada bila-bila masa.


[Lihat halaman sebelah

- Dilahirkan pada tahun 1265 H di Tonto, Mesir.
- Pernah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Mesir.
- Menghasilkan kitab "Risalah al-Tauhid".

18 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A HAMKA
- B al-Sheikh Tahir Jalaluddin
- C al-Sheikh Muhammad Abduh
- D al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani

19



Siapakah tokoh 'Y'?

- A Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah.
- B Imam Abu Hanifah rahimahullah.
- C Imam al-Bukhari rahimahullah.
- D Imam al-Ghazali rahimahullah.

20

- memotong kuku
- mencabut bulu ketiak
- mencukur bulu ari-ari

Tujuan Islam memerintahkan umatnya agar melakukan perkara-perkara di atas ialah untuk _____.

- A menjaga kebersihan diri
- B mengelak penyakit
- C menyegarkan diri
- D kelihatan cantik

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 21 hingga Soalan 30

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Nifak ialah berpura-pura menzahirkan _____ sedangkan hatinya tetap kufur kepada Allah SWT.
- 22 Hukum memakan harta anak yatim ialah _____.
- 23 Mengherdik ibu bapa adalah dosa besar yang hanya terampun dengan memohon maaf kepada ibu bapa dan _____ kepada Allah SWT.
- 24 Antara ciri orang yang bertambah iman ialah benar-benar mengenali Allah SWT dan rasul-Nya serta banyak melakukan ibadat _____.
- 25 Orang yang tidak beragama digelar _____.
- 26 Tawaf _____ dilakukan sebaik sahaja sampai ke Kota Mekah.
- 27 Satu perjanjian untuk memiliki manfaat dari suatu barang yang diterima daripada orang lain dengan bayaran yang sesuai adalah maksud _____.
- 28 Wuquf bermaksud berada di Padang Arafah walaupun sekejap di antara _____ matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar 10 Zulhijjah.
- 29 Saksi adalah penting untuk menjamin sesuatu perkahwinan itu _____.
- 30 Ibu tiri, ibu mertua dan menantu perempuan adalah contoh golongan wanita yang haram dikahwini kerana faktor persemendaan, perkahwinan atau _____.

Soalan 31 hingga Soalan 32

Pilih jawapan yang betul berdasarkan jadual di bawah.

Zihar	Qazaf	Li'an
Istilah	Keterangan	
31. _____	Sumpah suami yang disertakan dengan laknat daripada Allah SWT untuk menolak hukuman qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri.	
32. _____	Perbuatan suami menyamakan isteri atau anggota isteri dengan ibunya atau perempuan yang haram dikahwini.	

[Lihat halaman sebelah

33 Hukum memakai bau-bauan bagi lelaki apabila hendak ke masjid adalah _____.

34 Umat Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah berjaya menguasai ilmu sains dan teknologi daripada tangan orang Rom, _____ dan Parsi.

- 35
- Beriktikad bahawa alam bersifat qadim.
 - Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin.

Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan utama _____.

36 Kitab al-Muqaddimah adalah antara kitab karya _____ yang terkenal.

37 Pada zaman Umar bin al-Khattab satu majlis syura khas ditubuhkan bagi menentukan pelantikan _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

makruh	wajib	harus	sunat
---------------	--------------	--------------	--------------

38 Hukum bermusafir tanpa mempunyai tujuan dan matlamat adalah _____.

39 Hamid mengambil anak angkat. Hukumnya adalah _____.

40 Hak hadanah _____ dilaksanakan walaupun berlaku penceraian antara suami isteri.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

- 1 (a)**
- (i) Apakah maksud murtad? [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** cara seseorang itu boleh menjadi murtad. [4 markah]
- (b)** Dosa besar ialah kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat.
- (i) Nyatakan **empat** contoh dosa besar. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor yang mendorong manusia melakukan dosa. [2 markah]
- (c)** Mazhab Ahli Sunah Waljamaah adalah jalan yang mengikut jejak Rasulullah SAW dan para sahabat.
- (i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** prinsip aqidah Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
 - (iii) Kesatuan ummah di atas landasan Ahli Sunah Waljamaah di negara ini perlu dipelihara supaya umat Islam tidak tergelincir daripada pegangan akidah yang benar.
Huraikan pendapat anda bagi menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 (a) Ibadah korban dilakukan untuk menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s.
- (i) Nyatakan maksud korban. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh binatang yang sah dijadikan korban. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan perbezaan antara korban dan akikah. [2 markah]
 - (iv) Bagaimanakah ibadat korban dapat melahirkan semangat jihad dalam kalangan umat Islam? Huraikan. [4 markah]
- (b) Insurans merupakan satu daripada muamalat dalam Islam yang semakin mendapat sambutan masyarakat.
- (i) Senaraikan **dua** jenis insurans. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** hikmah diharuskan insurans. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab suami kepada isteri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** persediaan suami isteri ke arah mewujudkan keluarga bahagia. [2 markah]
- (iii) Mengapakah Islam menetapkan tanggungjawab yang tertentu kepada suami isteri. [2 markah]
- 3 (a) Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah pimpinan Rasulullah SAW.
- (i) Apakah maksud Khulafa' al-Rasyidin? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) HAMKA merupakan tokoh ulama yang membawa pembaharuan besar kepada umat Islam khususnya di Nusantara.
- (i) Siapakah nama sebenar beliau? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** karya beliau yang terkenal. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

- (c) (i) Apakah maksud amar makruf nahi mungkar? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab ketika menegakkan amar makruf nahi mungkar. [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** tanggungjawab setiap rakyat terhadap kemudahan awam yang disediakan. [2 markah]
- (iv) **Terangkan** **dua** akibat perbuatan penyalahgunaan kemudahan awam. [4 markah]
- 4 (a) Penyebaran Islam berlaku secara meluas pada zaman kerajaan Bani Abbasiah.
- (i) Nyatakan **dua** faktor dalaman yang mendorong penyebaran Islam pada zaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan positif penyebaran Islam dalam aspek kemasyarakatan. [4 markah]
- (b) Al-Imam Ahmad bin Hanbal terkenal sebagai pengasas Mazhab Hanbali.
- (i) Nyatakan **dua** karya beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kehebatan beliau dalam ilmu hadis dan fiqah. [2 markah]
- (c) (i) Apakah maksud pemimpin? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan tidak mentaati pemimpin. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** adab berniaga dalam Islam. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** faedah mengamalkan adab berniaga dalam Islam. [2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah